

Tajuk 1

Pengenalan kepada Perakaunan

1.2 SEJARAH PERAKAUNAN - PENGENALAN

- ✕ Simpanan rekod perakaunan terawal dijumpai pada peninggalan sejarah zaman Babylon, Assyria, Sumeria dan Mesir Purba, yang telah wujud sejak 3500 SM.



Rajah disebelah menunjukkan lembah Assyria, Mesopotamia dan Mesir Purba di mana rekod-rekod awal perakaunan telah ditemui.

SEJARAH PERAKAUNAN – ZAMAN PURBA MESIR

- ✘ Menggunakan *papyrus* (kertas) dan *calamus* (pen) untuk tujuan perekodan.
- ✘ Urusniaga lebih mudah dicatat dan lebih terperinci.
- ✘ Dengan pengenalan cukai oleh Raja, perekodan perakaunan menjadi semakin penting.
- ✘ Tidak banyak berkembang kerana masalah buta huruf di kalangan rakyat dan tiada ukuran nilai piawai untuk pertukaran barang.

SEJARAH PERAKAUNAN – ZAMAN PURBA GREEK

- ✖ Mata wang diperkenalkan, memudahkan catatan rekod perakaunan.
- ✖ Catatan berbentuk keterangan digunakan untuk merekod penerimaan dan pembayaran.
- ✖ Sistem catatan bergu belum lagi digunakan.


SEJARAH PERAKAUNAN – ZAMAN PURBA ROM

- ✘ Setiap isirumah perlu menyimpan rekod perakaunan yang dinamakan ***adversaria***.
- ✘ Rakyat perlu menghantar penyata aset dan liabiliti kepada kerajaan bagi tujuan percukaian.
- ✘ Konsep belanjawan diperkenalkan untuk menyelaraskan pendapatan dan perbelanjaan kerajaan dan mengenakan cukai mengikut kemampuan rakyat.


CONTOH PENINGGALAN PERAKAUNAN TERAWAL




Token perakaunan dari tanah liat (3500 SM)



Tablet dari zaman Rom (1 -2 Masehi)



Tablet simbol numerik (3200 – 2700 SM)



Token sfera (4000 – 3100 SM)



1.2 (B) PERMULAAN CATATAN BERGU

- ✖ Rekod catatan bergu terawal telah ditemui di dalam buku akaun *Messari* di Bandar Genoa pada tahun 1340.
- ✖ Sistem catatan bergu telah diperkembangkan oleh pedagang Itali pada lewat kurun ke 13.
- ✖ Luca Pacioli dinamakan Bapa Perakaunan kerana beliau adalah orang pertama yang mendokumentasikan sistem catatan bergu di dalam bukunya “*Summa de Arithmetica, Geometria, Proportioni et Proportionalità*”.

LUCA PACIOLI



Potret Pacioli, 1495.

1.2 FALSAFAH PELAPORAN KOS SEJARAH DAN NILAI SAKSAMA

✕ Falsafah Kos Sejarah

- kos sejarah ialah kos sebenar, iaitu kos yang terlibat semasa urusan niaga itu berlaku.
- oleh kerana ia adalah kos sebenar, amaun yang direkod adalah boleh dipercayai dan boleh disahkan (melalui invois, resit dll).
- kos sejarah membantu pengurus untuk meramal jangkaan kos operasi pada masa hadapan menggunakan data lalu.

1.2 FALSAFAH PELAPORAN KOS SEJARAH DAN NILAI SAKSAMA (SAMBUNGAN)

✖ Falsafah Nilai Saksama

- nilai saksama ialah anggaran nilai yang realistik dan munasabah terhadap harga pasaran sesuatu aset atau liabiliti.
- falsafah ini dikatakan lebih relevan kerana ia membekalkan maklumat terkini yang selari dengan pasaran dan mengambilkira kesan inflasi ke atas kos asal.
- persetujuan antara kedua-dua belah pihak perlu dicapai dalam sesuatu urusaniaga.

KONSEP PELAPORAN BERASASKAN NILAI SAKSAMA

- ✘ Nilai atau angka yang dilaporkan dalam penyata kewangan perlu diselaraskan semula pada nilai pasaran sekiranya amaun asal (kos sejarah) tersebut tidak lagi menunjukkan nilai yang saksama.
- ✘ Nilai saksama di dalam Kunci Kira-kira akan memberi gambaran lebih tepat tentang nilai sesebuah perniagaan atau lebih jelas menunjukkan risiko yang mungkin ada dalam perniagaan tersebut.

1.2 (D) PERAKAUNAN SEBAGAI SATU PROFESION

✕ Maksud Profesional:

1. Engaged in one of the learned profession.
2. Characterized by conforming to the technical or ethical standards of a profession.

- Merriam-Webster Dictionary, 2008

PERAKAUNAN SEBAGAI SATU PROFESION (SAMBUNGAN)

✕ Maksud Profesion:

1. A calling requiring specialized knowledge and often long and intensive academic preparation.

- Merriam-Webster Dictionary, 2008

PERAKAUNAN SEBAGAI SATU PROFESION (SAMBUNGAN)

- ✖ Jadi, perakaunan boleh dianggap sebagai satu profesion kerana:
 1. Memerlukan tahap latihan dan pendidikan yang tertentu bagi melayakkan seseorang bergelar akauntan.
 2. Dikawal selia oleh undang-undang dan kod etika yang dikuatkuasakan oleh badan profesional tertentu (contoh: MASB, MIA).
 3. Individu perlu terlebih dahulu memiliki kelulusan profesional yang diiktiraf (contoh: ACCA, CIMA, ACPA, MICPA).

KEWUJUDAN KOD ETIKA PROFESION PERAKAUNAN

- ✘ Kod etika perakaunan di Malaysia dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA). Undang-undang tersebut; “*The By-Laws (On Professional Ethics, Conduct and Practice)*” telah dikeluarkan pada **24 November 2006** dan berkuatkuasa pada **1 Januari 2007**.
- ✘ Kod etika ini dikeluarkan selaras dengan keperluan Akta Akauntan 1967 yang mengikat kesemua akauntan yang berdaftar dengan MIA.

KEPERLUAN KOD ETIKA PROFESION PERAKAUNAN

- ✘ Bidang kerja yang dijalankan oleh akauntan dan juruaudit memerlukan tahap etika yang tinggi.
- ✘ Ini kerana pemegang saham, bakal pemegang saham dan pengguna penyata kewangan yang lain bergantung sepenuhnya kepada Penyata Kewangan Tahunan syarikat untuk membuat keputusan tentang pelaburan.
- ✘ Mereka bergantung kepada pendapat akauntan yang menyediakan penyata serta pendapat juruaudit yang mengesahkan penyata tersebut untuk menunjukkan keadaan yang benar dan adil tentang syarikat tersebut.

KEPERLUAN KOD ETIKA PROFESION PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

- ✖ Pengetahuan tentang etika membolehkan akauntan dan juruaudit mengatasi masalah dilema etika, membolehkan mereka membuat pilihan yang betul, walaupun tidak menguntungkan perniagaan, tetapi akan memberikan manfaat kepada pengguna penyata kewangan.


1.3 BENTUK ORGANISASI

Bil	Ciri-ciri	Milikan Tunggal	Perkongsian	Syarikat Sendirian Berhad	Syarikat Berhad	Koperasi
1.	Bilangan ahli	Seorang	Biasa: 2-20 Bank: 2-10 Profesional: 2-50	2-50	Min: 2 Maks: Tiada had	Min: 50 Maks: Tiada had
2.	Akta kawalan	Akta Pendaftaran Perniagaan 1956	Akta Perkongsian 1961	Akta Syarikat 1965		Ordinan Koperasi Malaysia 1984
3.	Modal	Simpanan pemilik	Modal oleh pekongsi	Terbitan saham kepada pemegang saham tertentu	Terbitan saham kepada orang awam	Sumbangan saham anggota
4.	Entiti Perniagaan	Perniagaan tidak terpisah daripada pemilik		Perniagaan merupakan badan yang sah dan terpisah daripada pemilik / ahlinya.		
5.	Liabiliti	Tidak terhad	Tidak terhad (kecuali pekongsi terhad)	Terhad		

1.3 BENTUK ORGANISASI (SAMBUNGAN)

Bil	Ciri-ciri	Milikan Tunggal	Perkongsiian	Syarikat Sendirian Berhad	Syarikat Berhad	Koperasi
6.	Pengurusan	Oleh pemilik dan dibantu keluarga	Pekongsi aktif	Polisi syarikat adalah dibawah tanggungjawab Lembaga Pengarah. Pengurusan mungkin dijalankan oleh profesional yang bukan pemegang saham.		Oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) yang dilantik oleh ahli.
7.	Pindahan pemilikan	Jualan perniagaan	Persetujuan semua pekongsi	Saham hanya boleh dipindah milik dengan sokongan semua ahli.	Saham bebas dipindah milik	Tidak bebas
8.	Agihan keuntungan	Untung / rugi ditanggung pemilik.	Agihan untung /rugi mengikut perjanjian.	Keuntungan diagih dalam bentuk dividen pada kadar ditetapkan Lembaga Pengarah.		Lebih diagih dalam bentuk dividen (tidak lebih 10%)
9.	Jangka hayat perniagaan	Tidak kekal, perniagaan bubar apabila pemilik / seorang pekongsi meninggal dunia		Kekal, perniagaan berterusan walaupun terdapat pertukaran pemilik		

1.4 PERAKAUNAN & SIMPAN KIRA




Mengkelas urusaniaga mengikut jenis dokumen sumber.

Merekod urusaniaga ke dalam buku-buku perakaunan mengikut sistem catatan bergu.

Simpan Kira

1.4 PERAKAUNAN & SIMPAN KIRA (SAMBUNGAN)



Mengklas
urusniaga
mengikut jenis
dokumen sumber.



Merekod urusniaga
ke dalam buku-buku
perakaunan
mengikut sistem
catatan bergu.

Penyediaan penyata
keuangan



Pengurusan
membuat keputusan,
perbandingan &
perancangan



Membuat pelaporan
pada pihak yang
berkepentingan
(contohnya pemilik)



Menganalisis dan
mentafsir maklumat
keuangan dan
membuat laporan

Perakaunan

1.4 SUB BIDANG PERAKAUNAN

✕ Perakaunan Kewangan:

- melibatkan proses perekodan maklumat kewangan bagi sesebuah perniagaan mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum.
- data yang direkod akan diringkaskan dan dipersembahkan dalam bentuk penyata kewangan.
- laporan analisis penyata kewangan akan digunakan oleh pihak berkepentingan (dalaman dan luaran) untuk membuat keputusan dan perancangan.

1.4 SUB BIDANG PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

✖ Perakaunan Pengurusan:

- perakaunan pengurusan menjurus kepada penyediaan maklumat untuk pihak pengurusan (pengguna dalaman) membuat keputusan dan perancangan masa hadapan.
- akauntan menggunakan data yang lepas untuk membantu pengurusan membuat anggaran serta mengenalpasti tindakan alternatif sebelum membuat sesuatu keputusan.

1.4 SUB BIDANG PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

✕ Audit

- audit adalah proses pemeriksaan bebas dan sistematik terhadap penyata kewangan bagi memastikan penyediaan penyata patuh dengan kriteria perakaunan
- pengauditan adalah termasuk pemeriksaan dokumen bagi memastikan kesahihan urusanniaga, mengesahkan rekod perakaunan telah disediakan mengikut standard perakaunan dan pengeluaran laporan dan pendapat juruaudit ke atas penyata kewangan (gambaran benar dan saksama).

1.4 SUB BIDANG PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

✖ Percukaian

- perakaunan percukaian adalah termasuk nasihat dan perundingan percukaian, perancangan cukai dan penyediaan penyata cukai.
- sebarang pindaan terkini Akta Percukaian Malaysia perlulah diikuti oleh akauntan yang terlibat dalam bidang ini.

1.4 SUB BIDANG PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

✖ Sistem Maklumat Perakaunan

- ia merupakan *satu sistem rekod* yang digunakan bagi menyokong sistem perakaunan perniagaan.
- ia mengandungi rangkaian prosedur yang perlu diikuti bagi menjana maklumat perakaunan yang akan digunakan oleh pengurusan bagi pembuatan keputusan.

1.5 PERSEKITARAN PERAKAUNAN DI MALAYSIA

Badan-badan perakaunan:

✕ Malaysian Institute of Accountant (MIA)



- ditubuhkan dibawah Akta Akauntan 1967.
- mengawal selia akauntan mematuhi piawaian profesion dan etika.
- meningkatkan kompetensi ahli melalui pendidikan dan latihan
- menentukan kelayakan perakaunan badan profesion perakaunan dan universiti untuk menjadi ahli.
- mengendalikan latihan, pendidikan dan peperiksaan kepada bakal akauntan.

1.5 PERSEKITARAN PERAKAUNAN DI MALAYSIA (SAMBUNGAN)

- ✖ Malaysian Accounting Standard Board (MASB)
 - ditubuhkan di bawah Akta Laporan Kewangan 1997.
 - mengeluarkan piawai perakaunan baru sebagai piawai yang diterima, menilai, mengkaji semula atau mengguna piawai sedia ada sebagai piawai yang diiktiraf.
 - mengeluarkan pernyataan prinsip untuk pelaporan kewangan.
 - menentukan skop dan aplikasi piawai perakaunan.

1.5 PERSEKITARAN PERAKAUNAN DI MALAYSIA (SAMBUNGAN)

✕ The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)



- ditubuhkan pada 26 Julai 1958 di bawah Ordinan Syarikat sebagai badan profesional.
- untuk memajukan teori dan praktis perakaunan.
- untuk mengambil ahli, mendidik, melatih dan menilai melalui peperiksaan.
- untuk mengekalkan kebebasan profesional akauntan setiap masa tanpa mengira kapasiti mereka sedang berkhidmat.
- untuk mengekalkan standard praktikal dan kelakuan profesional yang tinggi dalam kalangan ahli-ahlinya.

1.6 KONSEP, PRINSIP DAN ANDAIAN PERAKAUNAN

✕ Usaha Berterusan

- konsep ini mengandaikan sesebuah perniagaan akan beroperasi dalam jangka masa yang tidak terbatas.
- urusanniaga akan direkod pada kos sejarah kerana perniagaan akan beroperasi dalam jangka masa panjang.

1.6 KONSEP, PRINSIP DAN ANDAIAN PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

✖ Entiti Berasingan

- konsep ini mengandaikan urusanniaga entiti perniagaan adalah terasing daripada urusanniaga pemiliknya.
- memastikan urusanniaga peribadi pemilik tidak direkod ke buku perakaunan perniagaan.
- entiti perniagaan boleh membeli aset atas nama sendiri, boleh mendakwa dan didakwa di mahkamah atas nama sendiri.

1.6 KONSEP, PRINSIP DAN ANDAIAN PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

✖ Ketekalan

- penggunaan kaedah perakaunan yang sama harus diteruskan dari tahun ke tahun.
- membolehkan prestasi perniagaan dalam sesuatu tempoh perakaunan dibandingkan dengan tempoh perakaunan yang lain.
- perubahan kaedah boleh dibuat dengan alasan yang kukuh, dan kesan perubahan ini perlu ditunjukkan di dalam penyata kewangan untuk tahun-tahun sebelumnya.

1.6 KONSEP, PRINSIP DAN ANDAIAN PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

✖ Materialiti

- butiran yang mempunyai kepentingan relatif yang tinggi terhadap pembuatan keputusan (mampu mempengaruhi keputusan yang bakal dibuat) akan dilaporkan di dalam penyata kewangan.
- butiran kecil atau remeh boleh diabaikan.
- material atau tidak sesuatu butiran itu bergantung pada nilai urus niaga atau saiz perniagaan.

1.6 KONSEP, PRINSIP DAN ANDAIAN PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

✖ Wang Sebagai Ukuran

- konsep ini menegaskan perekodan urusaniaga hanya dibuat bagi urusaniaga yang dinyatakan dalam nilai wang.
- penggunaan nilai wang menghapuskan masalah ketidakseragaman dalam merekod urusaniaga, pelaporan serta perbandingan.
- aset dan liabiliti dinyatakan dalam bentuk yang boleh difahami (contohnya penggunaan nilai ringgit (RM)).

1.6 KONSEP, PRINSIP DAN ANDAIAN PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

✖ Konservatisme

- menurut prinsip ini, kerugian yang dijangkakan akan diambil kira sebagai belanja di dalam Penyata Kewangan tetapi keuntungan yang dijangkakan tidak boleh diiktiraf sebagai pendapatan sehingga keuntungan sebenar diperoleh.

1.6 KONSEP, PRINSIP DAN ANDAIAN PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

✖ Konservatisme (sambungan)

- penggunaan prinsip ini untuk memastikan:
 - * aset dan hasil tidak terlebih nyata.
 - * liabiliti dan belanja tidak terkurang nyata.
 - * kerugian mesti direkod walaupun belum lagi berlaku.
 - * keuntungan direkod hanya bila telah direalis.

1.6 KONSEP, PRINSIP DAN ANDAIAN PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

✖ Asas Perakaunan Akruan

- mengikut konsep ini, pengiktirafan hasil dibuat apabila hasil telah diperolehi, bukan hanya apabila tunai diterima.
- pengiktirafan belanja juga telah dibuat apabila belanja telah dikenakan, bukan hanya apabila tunai telah dibayar.
- hasil perlu dipadankan dengan belanja dikenakan dalam tempoh perakaunan yang sama untuk mengira untung atau rugi.

1.6 KONSEP, PRINSIP DAN ANDAIAN PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

✖ Tempoh Perakaunan

- merupakan pembahagian hayat perniagaan kepada tempoh tertentu seperti sebulan, suku tahun, setengah tahun atau setahun.
- memudahkan penyediaan penyata kewangan dan membolehkan perbandingan prestasi dibuat atara tempoh-tempoh tersebut.

1.6 KONSEP, PRINSIP DAN ANDAIAN PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

✕ Kos Sejarah

- merupakan kos sebenar yang dibayar atau ditanggung sewaktu urusan niaga tersebut berlaku.
- nilai asal perolehan aset atau liabiliti sentiasa dinyatakan di dalam penyata kewangan tahunan-tahun berikutnya.

1.6 KONSEP, PRINSIP DAN ANDAIAN PERAKAUNAN

✖ Pelaporan Berasaskan Nilai Saksama

- menurut konsep ini, nilai atau angka aset dan liabiliti perlu disemak semula bagi memastikan nilai di dalam buku perakaunan adalah nilai saksama (nilai pasaran).
- ini supaya penyata kewangan memberi gambaran terkini tentang perniagaan dan para pelabur dapat membuat penilaian dengan lebih tepat.

1.6 KONSEP, PRINSIP DAN ANDAIAN PERAKAUNAN (SAMBUNGAN)

✖ Catatan Bergu

- konsep ini mengkehendaki setiap urusaniaga direkod sekurang-kurangnya di dalam **dua** akaun, di sebelah kiri (debit) dan disebelah kanan (kredit) dengan jumlah yang sama.
- memudahkan penyemakan apabila jumlah debit dan kredit adalah seimbang.

1.6 CIRI KUALITATIF PENYATA KEWANGAN

✖ Kebolehfahaman

- pengguna seharusnya dapat memahami maklumat yang terkandung dalam penyata kewangan.

✖ Kebolehpercayaan

- maklumat bebas dari ralat dan kesilapan.
- bebas daripada pengaruh atau kepentingan pihak tertentu.

1.6 CIRI KUALITATIF PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

✖ Kebolehbandingan

- kaedah penyediaan penyata haruslah tekal antara tahun dan antara perniagaan supaya perbandingan boleh dibuat bagi pengukuran prestasi.

✖ Tepat Masa

- maklumat haruslah diperolehi ketika ia diperlukan. Maklumat yang lewat diterima tidak lagi dapat digunakan untuk tindakan.

1.6 CIRI KUALITATIF PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

✖ Relevan

- maklumat perakaunan yang dibekalkan mestilah bersesuaian (relevan) dengan tujuan maklumat itu diperlukan